

Pencapaian 2 tahun memimpin negara bukti Anwar diterima rakyat

- Suara Anwar ke atas isu Palestin tegas dan sukar disaingi sehingga mahu Israel dikeluarkan keanggotaannya daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

- Lawatan ke 25 negara sejak November 2022 sehingga bulan ini berjaya menjana potensi pelaburan bernilai RM436.2 bilion kepada Malaysia yakni RM353.6 bilion pada 2023 dan RM82.6 bilion dari Januari sehingga Oktober lalu.



Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Oleh Prof Datuk Dr P Sivamurugan
bhrencana@bh.com.my

Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) diadakan pada 19 November 2022. Keputusan PRU15 menunjukkan Pakatan Harapan (PH) memenangi 82 kerusi, Perikatan Nasional (PN) 74 kerusi, Barisan Nasional (BN) 30 kerusi, Gabungan Parti Sarawak (GPS) 23 kerusi, Gabungan Rakyat Sabah (GRS) enam kerusi, Parti Warisan (WARISAN) tiga kerusi, Bebas (dua) manakala Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KD) dan Parti Bangsa Malaysia (PBM) masing-masing menang satu kerusi.

Oleh kerana tidak ada parti gabungan memenangi majoriti mudah atau 112 kerusi untuk menubuhkan kerajaan, maka satu gabungan dinamakan sebagai 'Kerajaan Perpaduan' ditubuhkan merangkumi PH, BN, GPS, GRS, WARISAN, Bebas, KDM dan PBM, manakala PN tidak bersetuju dengan titah nasihat Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Al-Sultan Abdullah menggunakan kearifan baginda dan mahu memastikan Parlimen tidak tergantung lalu menggunakan kuasa budi bicara dalam pelantikan seorang Perdana Menteri sebagaimana termaktub dalam Perkara 43(2)(b) Perlembagaan menyebut.

Al-Sultan Abdullah berkenan melantik Ahli Parlimen Tambun, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10, yang mana pelantikan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu selaras dengan peruntukan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan.

Pada 24 November 2022, majlis istiadat pengurniaan suratcara pelantikan dan istiadat mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia sebagai Perdana Menteri mengambil tempat pada jam 5 petang di Istana Negara, lima hari selepas keputusan PRU15 diumumkan.

Pada 24 November ini, genaplah dua tahun pentadbiran Anwar menerajui kerajaan. Mandat ini berakhir pada 19 Disember 2027 mengambil tarikh hari pertama Parlimen pada 19 Disember 2022 dengan baki tempoh pemerintahan sekitar tiga tahun lagi.

Beberapa petunjuk boleh dijadikan sebagai panduan untuk menilai pentadbiran Anwar selama dua tahun. Mandat parti jelas dengan pengukuhan secara berterusan dilakukan untuk mengharmonikan hubungan dalam gabungan yang wujud selepas keputusan PRU. Walaupun ada yang sangsi pada awalnya sama ada dapat bertahan melangkaui enam bulan, kini ia sudah mencecah 24 bulan.

Malahan jangka hayat kepimpinan Anwar sudah melepasi tempoh masa kepimpinan tiga Perdana Menteri sebelum ini iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sokongan kepada Anwar meningkat melebihi dua pertiga buat kali pertama sejak PRU 2008 dengan keabsahan daripada lima Ahli Parlimen BERSATU.

Persaingan dalam parti gabungan Kerajaan Perpaduan tidak ketara walaupun ada beberapa pemimpin secara terbuka menyatakan pendirian berbeza. Dalam konteks politik Malaysia,

politik adalah seni segala kemungkinan. Tidak ada musuh atau kawan tetap dan paling utama adalah politik angka.

Kedudukan sebagai Perdana Menteri membolehkan Anwar memperlihatkan beberapa pencapaian antaranya memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) di Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan walaupun tewas di Terengganu, Kelantan dan Kedah.

Dalam siri Pilihan Raya Kecil (PRK), Kerajaan Perpaduan menang di tujuh kerusi iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) Tioman, Simpang Jeram, Pelangai dan Kuala Kubu Bharu, Nenggiri dan Mahkota selain Parlimen Pulau. PN pula menang empat kerusi di Parlimen Padang Serai, Kuala Terengganu, DUN Kemaman dan Sungai Bakap.

Persaingan daripada gabungan pembangkang kurang ketara barangkali disebabkan gabungan berkenaan turut berhadapan dengan isu sentimen, persepsi dan pengurusan dalaman. Ini menyebabkan dua tahun Anwar mentadbir menampakkan perubahan berbanding dengan pada awal kepimpinan beliau.

Gaya kepimpinan hubungan dengan kerajaan di bawah pembangkang juga berubah menerusi peningkatan interaksi pusat-negeri.

Agenda reformasi dan pembaharuan sedang rancang dilakukan terutama dalam penyampaian dan undang-undang.

Usaha dilakukan untuk membanteras rasuah dan membuat ketetapan untuk menduduki tangga ke-25 daripada tangga 57 dalam masa 10 tahun di dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

Begitu juga dalam soal kedaulatan Sabah-Sulu dan isu reformasi perundangan dengan tatakelola dan amalan yang peka kepada keinsanan, iman, integriti, ilmu dan inklusif.

Jana potensi pelaburan

Lawatan ke 25 negara sejak November 2022 sehingga bulan ini berjaya menjana potensi pelaburan bernilai RM436.2 bilion kepada Malaysia yakni RM353.6 bilion pada 2023 dan RM82.6 bilion dari Januari sehingga Oktober lalu.

Indeks Keamanan Global (GPI) menunjukkan Malaysia melonjak dari tangga ke-19 pada 2023 ke tangga 10 tahun ini. Walaupun begitu, Malaysia jatuh ke tangga 34 pada tahun ini dari tangga ke-27 (2023) dalam Indeks Daya Saing Dunia (WCI). Barangkali ada yang perlu ditambah baik untuk Malaysia kekal bersaing di persada antarabangsa.

Menelusuri Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dari RMK12, beberapa metodologi perlu dirombak supaya bersesuaian

dengan keperluan, kemahuan dan pemikiran kontemporari.

Sepanjang dua tahun, Anwar muncul sebagai suara negara Islam, negara serantau dan negara sedang pesat membangun berbanding pemimpin lain. Suara Anwar ke atas isu Palestin tegas dan sukar disaingi sehingga mahu Israel dikeluarkan keanggotaannya daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau muncul antara 15 pemimpin Islam paling berpengaruh pada abad ini. Kedudukan sebagai Pengerusi ASEAN mulai 2025 pasti membawa kepada agenda Komuniti ASEAN terangkum dan berhadapan dengan cabaran bersama serta mencari titik persamaan peningkatkan aliran perniagaan, ekonomi dan kepelbagaian.

Isu agama dan etnik mendominasi boleh mempengaruhi soal perpaduan dan keharmonian dalam kalangan anggota masyarakat merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Begitu juga dengan penyelesaian konkrit ke atas Perjanjian Malaysia 1962 (MA63).

Menjejak tahun ketiga, ada beberapa perkara lain perlu diberikan tumpuan. Isu rasionalisasi diesel dan RON95 serta subsidi ada impaknya. Kesan kos sara hidup ke atas ekonomi domestik memerlukan pendekatan pelbagai dimensi boleh diadun dengan kaedah 'whole of society' serta 'whole of governance' untuk menanganinya.

Begitu juga PRN Sabah, penyelesaian penahanan di rumah Datuk Seri Mohd Najib Razak kerana ia membabitkan soal hubungan intra dan inter parti serta bebanan jurang kelas dalam masyarakat apatah lagi dengan penyusunan semula gaji penjawat awam.

Memanusiaikan kerajaan boleh menjadi agenda berterusan dengan amalan ketelusan, akauntabiliti serta keadilan sosial. Gagasan Malaysia MADANI perlu bergerak daripada fasa pemahaman kepada penerapan dan amalan khususnya dengan nilai ketamadunan manusiawi semakin terhakis.


Komunikasi antara pemimpin, pemimpin dan pengikut dan pengikut dengan pengikut juga perlu ditambah baik. Media sosial menjadi alat utama dengan pembentukan komuniti alam maya. Maklumat perlu diterjemah menjadi pengetahuan dan kebijaksanaan berfikir secara rasional melangkaui emosi.

Ia boleh dilakukan dengan Anwar sebagai nakhoda bersama pasukan barisan Kabinet serta terikat dalam sistem penyampaian dengan jelas menampakkan 'satu suara, satu matlamat' bilamana persaingan menjadi lebih kompetitif dan diuji dengan sentimen dan persepsi.

Barangkali, ini masa terbaik untuk melakukan rombakan signifikan dalam Kabinet. Sokongan antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu ke atas beliau masih ketara walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkannya.

Yang penting, rakyat perlu sentiasa merasa sejahtera, aman dan selamat kerana ada makanan secukupnya, kediaman kondusif dan gaya hidup selesa tanpa tertekan akibat kesempitan hidup.

Jika ini dapat dipertahankan, nescaya kestabilan akan ampuh dilimpahi dengan keyakinan dan kepercayaan. Ruang, akses, peluang dan berdaya inklusif amat signifikan untuk jaminan masa depan lebih baik dalam mendepani tahun ketiga kepimpinan beliau.



Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat.